

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU**  
**KAWASAN : TUARAN**  
**TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hala tuju pelaksanaan Projek Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuh raya Pan Borneo di negeri Sabah dan Sarawak adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti jalan persekutuan menyeberangi negeri Sabah dan Sarawak. Jalan-jalan yang terlibat akan mempunyai spesifikasi setaraf dengan lebuh raya tidak bertol di semenanjung. Oleh itu, Kerajaan di peringkat persekutuan akan tetap meneruskan projek yang bakal memberi manfaat dari segi keselesaan perhubungan jalan darat, keselamatan pengguna yang lebih terjamin dan memangkin kemajuan ekonomi setempat kepada seluruh penduduk di negeri Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini Kementerian Kerja Raya telah mengeluarkan notis penamatan kepada Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) bagi projek Lebuh raya Pan Borneo Sabah. Notis tersebut adalah bermaksud untuk menamatkan perjanjian PDP yang telah ditandatangani pada 11 April 2016. Selaras dengan hasrat semasa Kerajaan Negeri Sabah supaya pelaksanaan projek Lebuh raya Pan Borneo Sabah diteruskan tanpa melibatkan pihak PDP dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 April 2019 telah bersetuju supaya Kementerian Kerja Raya mengeluarkan notis penamatan perjanjian PDP tersebut. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah kini sedang giat untuk merealisasikan proses transisi tersebut.

Bagi pelaksanaan projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak pula, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak masih meneliti kaedah yang bersesuaian untuk meneruskan projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak. Buat masa ini, Jemaah Menteri masih belum membuat sebarang keputusan, namun pelaksanaan projek masih dan akan tetap diteruskan.

Sekian, terima kasih.